



14 NOV, 2025

Johor hab pertumbuhan pusat data terpantas ASEAN

Berita Harian, Malaysia



Johor hab pertumbuhan pusat data terpantas ASEAN

MIDA dedah pasaran DC negara dijangka melonjak kepada RM64 bilion menjelang 2030

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Malaysia kini muncul sebagai antara pasaran pusat data (DC) paling pesat berkembang di Asia Tenggara, dengan Johor dinobatkan sebagai hab pertumbuhan DC terpantas di ASEAN, menurut laporan Jones Lang LaSalle (JLL) pada September 2025.

Penganalisis CIMB Securities, Kenny Mak Hoy Ken, berkata negeri itu dijangka menyumbang 60 peratus daripada kapasiti pusat data Malaysia menjelang 2030, menandakan lonjakan besar dalam sektor ekonomi digital negara.

Menurutnya, pada pelancaran Data Centre Nexus 2025, Lemb

ga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mendedahkan bahawa pasaran pusat data negara dijangka melonjak kepada AS\$13.6 bilion (RM64 bilion) menjelang 2030, berbanding AS\$4 bilion pada 2024, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) 22.4 peratus.

"Pertumbuhan pesat ini dipacu oleh keperluan pengkomputeran kecerdasan buatan (AI) yang semakin besar serta permintaan ketumpatan rak data yang lebih tinggi, disokong oleh perjanjian bekalan elektrik (ESA) kumulatif berjumlah 6.7 gigawatt (GW) yang ditandatangani oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) merangkumi 47 projek setakat Jun 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Menjelang 2035, artikel MIDA bertarikh 24 Mac 2025 mengunjurkan penggunaan tenaga pusat data Malaysia meningkat melebihi 5,000 MW (5 GW), iaitu bersamaan 40 peratus kapasiti tenaga Semenanjung Malaysia ketika ini, dengan jumlah permohonan ESA telahpun melebihi 11 GW.

Berdasarkan kapasiti yang dirancang, Malaysia dijangka mencapai 5,522 MW kapasiti pusat data menjelang 2030, termasuk 522 MW

kapasiti sedia ada setakat suku pertama 2025, 1,250 MW dalam pembinaan, dan lebih 3,750 MW sedang dirancang.

Dari segi kapasiti siap dibangunkan, Malaysia kini berada di hadapan Indonesia (270 MW) dan Thailand (140 MW), namun masih di belakang Singapura (1,000 MW).

Hab penyatuan pusat data

Laporan Cushman & Wakefield pula menegaskan kedudukan Malaysia sebagai hab penyatuan pusat data utama di Asia Pasifik, dengan tahap kesiapsiagaan infrastruktur negara yang diukur melalui nisbah populasi per megawatt, dijangka bertambah baik daripada 60,000 kini kepada sekitar 14,000 menjelang 2030, berbanding purata serantau iaitu 350,000.

Menurut Hoy Ken, angka ini menunjukkan Malaysia agresif membangunkan ekosistem pusat data berdaya saing yang menyokong pertumbuhan teknologi seperti AI, pengkomputeran awan, e-dagang, dan transformasi digital.

Katanya, bagi memperkukuh hasrat itu, MIDA telah meluluskan projek digital bernilai RM278 bilion antara 2021 hingga 2024, dengan projek berkaitan pusat data

dan awan menyumbang RM185 bilion, iaitu dua pertiga daripada jumlah keseluruhan.

"Malaysia sedang memposisikan diri bukan sekadar sebagai pengguna teknologi digital, tetapi sebagai peneraju infrastruktur data serantau," katanya.

Bagi memperkemas kemajuan pesat Malaysia sebagai kuasa besar DC serantau, kerajaan bakal melancarkan rangka kerja bahu-pertumbuhan mampan pusat data, yang akan diterajui oleh pasukan petugas pelbagai agensi.

Langkah ini turut merangkumi penubuhan satu pihak berkuasa pelesenan tunggal bagi memastikan semua pemain industri mematuhi garis panduan nasional DC, khususnya berkaitan pengurangan pelepasan karbon.

Pada masa sama, Majlis Bangunan Hijau Malaysia (MGBC) membangunkan 'Green Building Index Tool' Versi 2.0 bagi menyokong amalan kemampanan yang lebih menyeluruh seiring dengan permintaan tinggi terhadap tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan syarikat teknologi berskala besar dan syarikat multinasional (MNC) yang berorientasi kan hijau.